

12/04/2002

Muhyiddin minta semua pihak bersatu hapus lanun

Hardi Effendi Yaacob; Rohaniza Idris

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) mengingatkan setiap lapisan penggiat industri muzik, perfileman dan teknologi maklumat (IT) di negara ini supaya lebih komited terhadap pelbagai usaha yang dilaksanakan kerajaan bagi memerangi cetak rompak.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, turut meminta pihak berkenaan supaya mencontohi keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap nasib malang yang menimpa industri hiburan dan IT.

"Kita menyambut baik sikap positif Dr Mahathir, lebih-lebih lagi apabila beliau mahu sama-sama turun padang bagi memastikan masalah ini tidak terus berleluasa. Sebenarnya, PM memang sudah lama tahu perkara ini, malah sebelum berita mengenai Siti Nurhaliza menangis dan meminta campur tangan beliau disiarkan.

"Saya selalu memaklumkan masalah ini kepada PM dan jemaah menteri lain setiap kali Kabinet mengadakan mesyuarat. Tidak dinafikan, memang PM sentiasa mengikuti perkembangan isu ini dari masa ke semasa.

"Tapi, janganlah kita hanya bergantung harap kepada PM dan kerajaan semata-mata. Sebaliknya, kita kenalah bersatu dan bersama-sama memeranginya," katanya.

Muhyiddin berkata demikian ketika mempengerusikan Sesi Taklimat Cetak Rompak Bersama Media Massa di kementeriannya yang turut dihadiri beberapa pegawai kanannya, termasuk Ketua Pengarah (Bahagian Penguatkuasaan) KPDN & HEP, Abdullah Nawawi dan Pengarah (Bahagian Hartabenda Intelek) KPDN & HEP, Ismail Jusoh.

Terdahulu, Muhyiddin mengadakan mesyuarat tergepar bersama Jawatankuasa Khas Cetak Rompak yang turut dihadiri ahli jawatankuasa (AJK) industri muzik, filem dan teknologi maklumat (IT), termasuk Setiausaha Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), Darren Choy bersama Pengurus Besar RIM, Lam Tuck Seng; Pengurus Perundangannya, Mamit Singh dan dua Ahli Majlisnya, Rudy Ramawi serta Rosmin Hashim.

Malah, pertemuan itu turut dihadiri bekas Timbalan Ketua Pengarah (Bahagian Penguatkuasaan) KPDN & HEP, Abdul Rahman Ghazali yang kini berkhidmat sebagai Pengarah Operasi (Penguatkuasaan) RIM - COP (Perlindungan Pemilik Hakcipta) bersama Perunding Hakciptanya, Matthew Drew.

Muhyiddin turut meminta mana-mana pihak, khususnya mereka yang terbabit dalam ketiga-tiga industri berkenaan supaya tidak mempertikaikan komitmen kementeriannya berhubung pelaksanaan pelbagai usaha memerangi cetak rompak.

"Banyak juga kejayaan yang kita capai, khususnya menerusi Bahagian Penguat kuasaan. Contohnya, kita berjaya merampas kira-kira sejuta juta CD dan VCD hanya dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini. Semuanya hasil serbuan ke atas 20 stor, 659 peruncit dan dua kilang.

"Kita turut merampas lima mesin dan pelbagai peralatan lain, termasuk beberapa kenderaan yang bernilai kira-kira RM10 juta secara keseluruhannya. Manakala, bilangan kes terkumpul dari 1 April 1999 hingga 21 Mac 2002 ialah 12,249 kes dengan nilai rampasan keseluruhannya lebih RM100 juta.

"Angka itu termasuk nilai peralatan dan kenderaan. Tidak lupa juga tindakan serbuan ke atas 70 stor pemborong, begitu juga 15 kilang cakera optik," katanya.

Difahamkan, mesyuarat tergepar itu turut dihadiri Pengarah Wilayah

(Penguatkuasaan) Business Software Alliance (BSA), Jeffrey Hardy bersama Pengurus Perundangannya, Vincent Chong dan Pengurus Negara Motion Pictures Association (MPA), Noor Hayati, selain Pengarah Wilayah (Penguatkuasaan) MPA, Michael Ellis. Tidak ketinggalan, Loh Kim Wan yang juga Presiden Persatuan Pengedar Filem Dan Video Malaysia (VIFIM).

"Saya turut dimaklumkan, kita juga berjaya mengumpulkan 5,283 kes sejak arahan pengharaman penjualan secara terbuka VCD lucas, selain karya muzik, filem dan perisian komputer cetak rompak dikuatkuasakan sejak 8 Ogos, tahun lalu dengan nilai rampasan keseluruhan kira-kira RM15 juta.

"Tapi, difahamkan hanya 682 kes daripadanya membabitkan pelanggaran hakcipta atau cetak rompak. Selebihnya ada kes lain seperti penapisan filem dan sebagainya. Dari 682 kes itu, kita berjaya mendaftarkan 52 kes untuk tujuan pendakwaan.

"Sebenarnya, semua kena ambil masa, khususnya bagi proses dokumentasi dan pendaftaran kes. Kita pun kena siapkan hujah-hujah untuk tujuan pendakwaan di mahkamah. Sebab itulah kita minta sangat supaya penggiat industri bantu kita, terutama pemilik hakcipta," katanya.

Muhyiddin turut memberitahu sidang media, Akta Hakcipta 1987 memperuntukkan kuasa untuk tindakan sivil dan kriminal ke atas pelanggaran hakcipta bagi mana-mana karya muzik, filem mahupun perisian komputer yang dicetak rompak.

"Di mana, tindakan sivil boleh diambil oleh pemilik hakcipta sendiri melalui Anton Piller Relief Order. Sehingga kini, sebanyak 99 kes dikendalikan menerusi tindakan sivil ini. Manakala tindakan kriminal boleh dilaksanakan menerusi Bahagian Penguat kuasa atau polis.

"Untuk membolehkan tindakan kriminal dikenakan, tuan punya hakcipta perlulah mengemukakan aduan dan Akuan Berkanun seperti mana dikehendaki di bawah Seksyen 42 Akta Hakcipta 1987 bersama surat perlantikan.

"Malah, tuan punya hakcipta juga mungkin diperlukan dalam serbuan untuk mengenal pasti CD, VCD atau apa-apa saja bentuk cakera optik yang dicetak rompak. Hukuman denda bagi kesalahan kriminal ialah sehingga RM10,000 bagi setiap satu salinan pelanggaran hakcipta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

(END)